

Paragliding Produk Pelancongan TMM 2020

MStar Online

25 September 2017

BANTING: Sukan paragliding akan diketengahkan sebagai produk pelancongan sempena Tahun Melawat Malaysia (TMM) 2020 bagi menarik pelancong luar negara yang menggemari sukan lasak itu.

Timbalan Menteri Pelancongan dan Kebudayaan Datuk Mas Ermieyati Samsudin berkata dalam usaha memperkenalkan negara ini sebagai destinasi sukan lasak itu, infrastruktur dan kemudahan berkaitan sukan berkenaan perlu ditingkatkan.

Katanya di Selangor, dua lokasi dikenal pasti bagi mempromosikan acara sukan paragliding iaitu di Bukit Jugra, Kuala Langat dan Bukit Batu Pahat, Kuala Kubu Bharu.

"Namun, prasarana berkaitan sukan paragliding di Kuala Kubu Bharu perlu dipertingkatkan bagi menarik pelancong luar negara," katanya ketika ditemui pemberita selepas merasai sendiri pengalaman menaiki paragliding secara tandem (berdua) di Bukit Jugra di sini, Isnin.

Mas Ermieyati berkata sukan paragliding juga adalah sebahagian daripada usaha menarik pelancong yang ingin menikmati kehijauan alam semesta. -- Bernama

Tags / Kata Kunci:

paragliding , Jugra. TMM 2020

Hakcipta Terpelihara © 2017 Star Media Group Berhad (ROC 10894D)

Source: <http://www.mstar.com.my/berita/berita-semasa/2017/09/25/paragliding-tmm-2020/>